

ZAT DAN SIFAT ALLAH MENURUT ABU AL-HASAN AL-ASH'ARI

Oleh:
Wazi bin Othman¹

Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang perbezaan metodologi dalam mengisbatkan Zat dan Sifat Allah. Perdebatan ini merupakan kesinambungan daripada siri-siri perbedatan dalam Ilmu Kalam di antara Muktazilah dan Abu Hasan al-Ash'ari. Kedua belah pihak mengukuhkan dan mempertahankan pandangan masing-masing bukan hanya bersumberkan akal sahaja bahkan dibuktikan dengan nas al-Quran. Walaupun jalan yang ditempuh berbeza tetapi tetap berkongsi matlamat yang sama iaitu mensucikan Allah Taala dari sebarang persamaan dengan makhluk.

PENDAHULUAN

Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari adalah seorang tokoh yang ulung dan terbilang dalam bidang teologi Islam. Kemasyhuran beliau bermula selepas penolakannya terhadap doktrin Muktazilah yang telah dianutinya selama puluhan tahun. Bagi beliau, teologi versi Muktazilah amat membebaninya untuk difikirkan sehingga membawa kepada pengisytiharan bebas dari pengaruh Muktazilah secara total. Secara asasnya metodologi ilmu Kalam yang dibangunkan dan dikembangkan oleh beliau adalah reaksi negatif terhadap setiap kenyataan yang dicetuskan oleh para pendokong Muktazilah sehinggalah teologi ini dikenali sebagai aliran Asha'irah. Aliran ini bertujuan untuk mengimbangi teologi Muktazilah yang terlalu bebas menggunakan akal dalam memahami persoalan akidah dan syariat.

¹ Wazi bin Othman, MA, Pensyarah Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri, Kelantan.

Tulisan ini secara tidak langsung banyak menyentuh doktrin Muktazilah kerana tanpa mengaitkan di antara kedua pihak, perbahasan ini akan menjadi tidak lengkap. Sumbangan kedua aliran ini dalam kancah teologi Ilmu Kalam telah berjaya mencorak pelbagai disiplin ilmu dalam sejarah peradaban dan ketamadunan Islam di sepanjang zaman.

RIWAYAT HIDUP ABU AL-HASAN AL-ASH'ARI

Beliau ialah *imam al-Mutakallimin*, Abu al-Hasan 'Ali bin Isma'il bin Bishr Ishak bin Salim bin Isma'il bin Abdullah bin Musa bin Amir al-Basrah Bilal bin Abi Burdah bin Abi Musa Abdullah bin Qays bin Hindhar al-Ash'ari al-Yamani al-Basri. Di lahir pada tahun 260H, namun ada sebahagian ilmuwan Islam menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada tahun 266H dan 270H.²

Bapanya Ismail merupakan seorang ahli hadis yang terkenal. Sebelum meninggal dunia, bapanya telah berwasiat kepadanya supaya berguru dengan imam Zakaria bin Yahya al-Saji kerana al-Saji merupakan figur besar dalam ilmu hadis dan ilmu fekah pada waktu itu. Ketokohan Abu al-Hasan dalam mempraktikkan pendekatan yang sederhana dari aspek kehidupan mungkin bersumberkan kepada datuknya Abu Musa al-Ash'ari yang telah memainkan peranan penting dalam peristiwa *Tahkim* di antara Mu'awiyah bin Abi Sufyan r.a dengan Ali bin Abi Talib r.a. Hal ini dapat dilihat kepada metodenya yang berada di posisi pertengahan di antara mazhab Hanbali dengan Muktazilah.

Al-Ash'ari mempraktikkan cara hidup yang begitu sederhana dengan menyara hidupnya hanya berbudi kepada tanah yang dihadiahkan oleh datuknya Bilal bin Abi Burdah sebanyak 17 dirham setahun.³ Fakta ini telah diceritakan sendiri oleh pembantunya Ibn Lahusin. Banyak maklumat yang didapati menyatakan bahawa beliau mempunyai budi pekerti yang sangat mulia dan menjalani kehidupan yang amat sederhana.

Musa bin Muhammad al-Faqih mendapat berita dari bapanya ketika bapanya berkhidmat di bawah Gabenor Basrah yang menyatakan bahawa beliau tidak pernah berjumpa dengan seorang yang lebih warak dan paling menjaga pandangan dari al-Ash'ari, dan beliau tidak pernah

² Shams al-Din Muhammad bin Ahmad bin Othman al-Zahabi (1984), *Siyar A'lam al-Nubala'* (tahqiq Shu'ayb al-Arna'ut wa Ibrahim al-Zaybaq) (cetakan kedua). Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h. 85.

³ Abu Bakar Ahmad bin 'Ali al-Khatib al-Baghdadi (t.t), *Tarikh Baghdad*. Kaherah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 11, h. 357.

melihat seorang ulama yang sangat malu tentang urusan dunia dan tidak ada seorang yang paling fokus kepada akhirat selain al-Ash'ari.

Para ilmuwan Islam telah bersepakat bahawa pada permulaannya al-Ash'ari telah mendokong fahaman Muktazilah dan berguru kepada Abu Ali al-Jubba'i⁴ yang juga merupakan bapa tirinya. Tetapi ulama tidak sependapat berkenaan tempoh beliau berada dalam faham Muktazilah. Namun pendapat yang masyhur adalah selama empat puluh tahun berdasarkan perbezaan tarikh kematian gurunya dan masa kelahiran beliau. Al-Jubba'i meninggal pada tahun 303 hijriyyah, manakala al-Ash'ari pula lahir pada tahun 260 hijriyyah. Justeru itu, beza tahun di antara keduanya adalah selama empat puluh tiga tahun. Atas dasar inilah maka sebahagian pengkaji membuat kesimpulan bahawa al-Ash'ari menganut doktrin Muktazilah sekitar empat puluh tahun.

Terdapat juga sebahagian para ilmuan berpandangan sebaliknya yang menolak pandangan berdasarkan kepada tarikh kematian, kerana jika diperhalusi kenyataannya adalah berlainan sekali. Dikatakan bahawa jika al-Ash'ari berada dalam faham Muktazilah selama empat puluh tahun, maka timbul persoalan adakah beliau berguru dengan al-Jubba'i semenjak kecil lagi? Hal ini sama sekali tidak masuk akal bahawa seseorang itu boleh berfikir dan belajar semenjak bayi lagi.

Penolakan ini juga berdasarkan kepada karya al-Ash'ari iaitu *Risalah ila Ahl al-Thaghri* ditulis pada tahun 297 hijriyyah bagi menjelaskan dasar-dasar pegangan Ahli Sunnah. Karya ini secara nyata membongkar kecelaruan dan kerosakkan doktrin Muktazilah dan menganggap kaum Muktazilah sebagai sesat. Hal ini diikuti dengan penjelasan yang telah dituliskan oleh Syed Jalalen yang menyimpulkan bahawa sekiranya kematangan tahap pemikiran dikira pada umur lima belas tahun iaitu tahun 275 hijriyyah dan memulakan debat dengan metod Muktazilah sekitar tahun 297 hijriyyah, bererti tempoh yang sepatutnya beliau berada dalam Muktazilah hanyalah dua puluh dua tahun sahaja.

Justeru itu, pendapat yang mengatakan bahawa beliau berada dalam faham Muktazilah selama empat puluh tahun adalah tidak tepat sama sekali. Bukti ini berdasarkan kepada tarikh buku ini ditulis dan ada

⁴ Abu 'Ali Muhammad bin 'Abd al-Wahhab al-Jubba'i, silsilah keturunannya sampai kepada Ibban iaitu khadam kepada sayidina 'Uthman bin 'Affan r.a. Dilahirkan pada 235H dan berhijrah ke Basrah serta beberapa kali ke Baghdad. Faqih dalam bidang fiqh dan tafsir dan mengajar di masjid sekitar Basrah.

kemungkinan ada tarikh yang lebih dekat dengan karya *Risalah*⁵ ini yang tidak sampai kepada pengetahuan generasi selepasnya.

Menurut penulis, perbezaan penetapan tarikh bukanlah suatu faktor yang sangat penting. Realitinya, al-Ash'ari telah berguru dengan bapa tirinya dan amat faham tentang dasar-dasar serta idea-idea yang telah dikembangkan oleh bapa tirinya itu. Al-Ash'ari menurut ramai para ulama telah menganut doktrin Muktazilah selama empat puluh tahun. Dalam usia tersebut, beliau telah banyak belajar dalam pelbagai disiplin ilmu daripada guru-gurunya sehinggalah beliau meninggal dunia. Di antara guru-gurunya ialah:

- 1- Abu 'Ali al-Jubba'i (303 H).
- 2- Abu Khalifah al-Jumahi (305 H).
- 3- Ibn Surayj (306 H).
- 4- Zakariyya al-Saji (307 H).
- 5- Abu Ishaq al-Marwazi (340 H) serta ramai lagi.

Manakala murid-muridnya pula sangat ramai. Ianya terbahagi kepada tujuh peringkat. Hal ini telah diterangkan oleh al-Subkiy. Muridnya yang paling menonjol pada peringkat pertama ialah:

- 1- Abu 'Abd Allah bin Mujahid al-Basri.
- 2- Abu al-Hasan al-Bahili.
- 3- Abu al-Husin Bandar bin al-Husayn al-Shirazi.
- 4- Abu Muhammad al-Tabari yang dikenali sebagai al-Imam al-'Iraqi.
- 5- Abu Bakar al-Qaffal al-Shashi.
- 6- Abu Sahl al-Sha'lakiy dan ramai lagi.⁶

Pada peringkat kedua ialah:

- 1- Abu Bakar al-Baqillani (403 H).
- 2- Abu Bakar Fawrak (406H).

Peringkat ketiga:

- 1- 'Abd al-Jabbar bin 'Ali al-Isfarayini (408 H).

⁵ Syams al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad Ibn Khallikan (t.t), *Wafayyat al-al-A'yan*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, j. 3, h. 399.

⁶ Johari bin Mat dan Abdullah Sudin bin Ab Rahman (2009), *Sumbangan Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari Dalam Pembangunan Ummah*. Kota Bharu: Percetakan Dian Sdn. Bhd, h. 15.

Peringkat keempat:

- 1- Al-Khatib al-Baghdadi (450 H).
- 2- Abu al-Qasim al-Qushayri (465 H).

Peringkat kelima:

- 1- Abu Hamid al-Ghazali (505 H).
- 2- Ibn 'Asakir (572 H).
- 3- Abu al-Fath al-Shahrastani (548 H).

Peringkat keenam:

- 1- Al-Fakhr al-Razi (606 H).
- 2- Sayf al-Din al-Amidi (631 H).
- 3- 'Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam (660 H).

Peringkat ketujuh:

- 1- Taqiyyuddin Ibn Daqiq al-'Id (658 H).⁷

AL-ASH'ARI KELUAR DARI MUKTAZILAH

Para sejarawan telah menyebut beberapa faktor yang menyebabkan al-Ash'ari meninggalkan fahaman Muktazilah dan sekali gus telah mengasas serta memimpin alirannya yang tersendiri berdasarkan metodologi yang telah dipelajarinya semasa menganut Muktazilah. Di antara faktor yang dimaksudkan ialah:

- 1- Al-Ash'ari keliru dengan beberapa idea yang dikemukakan oleh golongan Muktazilah yang membuatkan hatinya tidak tenang. Dalam mencari ketenangan pemikiran, beliau telah bermunajat memohon kepada Allah Taala agar diberi hidayah dalam memilih manhaj yang terbaik buat dirinya. Tetapi dalam masa yang sama beliau mengakui bahwa kembali kepada al-Quran dan Sunnah adalah solusi terbaik serta manhaj salafi adalah yang terbaik untuk diperjuangkan, memandangkan terdapat kecelaruan dalam fahaman

⁷ Abu al-Hasan 'Ali bin Isma'il al-Ash'ari (1994), *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* (tahqiq 'Abbas Sobbagh). Beirut: Dar al-Nafa'is, h. 15-17.

Muktazilah. Justeru itu, beliau telah membebaskan diri dari fahaman Muktazilah dalam sebuah masjid yang dipenuhi para jemaah serta menarik balik semua karya-karya yang mendokong idea-idea Muktazilah.⁸

- 2- Berlaku perdebatan di antara al-Ash'ari dan gurunya al-Jubba'i berhubung konsep keadilan Allah dalam soal perbuatan baik bagi makhluknya. Perdebatan ini berlaku berkenaan persoalan apakah wajib bagi Allah Taala melakukan sesuatu dan apakah semua perbuatan Allah Taala mempunyai 'illah (sebab) yang tertentu atau tidak? Dan bagaimana perkara ini boleh berlaku sedangkan firman Allah Taala dalam surah al-Anbiya' ayat 23 adalah sebaliknya. Jika benar berlaku seperti yang didakwa oleh Muktazilah bererti adanya kekangan terhadap kekuasaan Allah Taala dan hal ini adalah mustahil bagi Allah Taala kerana kuasa-Nya tidak dibatasi oleh makhlukNya.

Masalah ini dipanjangkan kepada perdebatan dengan gurunya al-Jubba'i berkenaan tiga jenis golongan manusia:

Faktor Pertama: Perdebatan Berkenaan Perbuatan Manusia

Al-Ash'ari meminta pandangan daripada gurunya tentang tiga golongan manusia, di mana golongan pertama mati dalam keadaan beriman, golongan kedua mati dalam keadaan kufur dan golongan ketiga mati ketika kecil. Gurunya menjawab bahawa golongan yang pertama mereka tergolong dalam golongan mukmin yang mendapat kemuliaan dari Allah Taala. Golongan kedua adalah golongan yang dimusnahkan oleh Allah Taala dan anak kecil termasuk dalam kelompok mereka yang diselamatkan.⁹

Kemudian al-Ash'ari melanjutkan lagi pertanyaannya kepada al-Jubba'i, bolehkah sekiranya bayi kecil ingin mencapai darjat orang diberikan kemuliaan oleh Allah Taala? Gurunya menjawab bahawa itu tidak mungkin kerana orang mukmin itu telah mencapai darjat tersebut setelah melakukan ketaatan dan anak kecil tidak mungkin mendapat kemuliaan sebagaimana golongan mukmin.

⁸ 'Ali bin al-Hasan Hibatullah bin 'Abd Allah Ibn 'Asakir (t.t), *Tabyin Kazib al-Muftari*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 39.

⁹ Al-Subki (t.t), *Tabaqat al-Shafi'iyyah*, h. 250-251.

Kemudian al-Ash'ari bertanya lagi, bagaimana sekiranya budak kecil itu berkata: kekurangan itu bukannya datang daripada aku, sekiranya engkau menghidupkan aku sehingga aku menjadi dewasa, maka sudah tentu aku menjalankan ketaatan sebagaimana golongan mukmin. Gurunya menjawab: Allah Taala akan berkata kepada dia: Aku mengetahui sekiranya engkau terus dihidupkan, engkau akan melakukan maksiat dan engkau akan menerima siksaan akibat perbuatan tersebut. Karena itulah Aku mematikan kamu pada masa kecil sebelum baligh bagi menjaga kemaslahatan kamu.¹⁰

Al-Ash'ari berhujjah lagi, jika demikian halnya maka orang kafir pula akan berkata: wahai Allahku! Engkau tahu akan keadaan anak kecil itu sebagaimana engkau mengetahui keadaanku. Mengapa Engkau tidak menjaga kemaslahatanku sebagaimana Engkau menjaga kemaslahatan anak kecil itu dengan mematikanku ketika masih kecil? Gurunya terdiam seketika dan terus mendakwa al-Ash'ari sebagai seorang yang gila. Tetapi dibalas oleh al-Ash'ari dengan berkata bahwa keldai tuan telah berhenti berjalan karena ada halangan.¹¹

Faktor Kedua: Berkenaan Nama-nama Allah Taala, Sama Ada Ianya *Tawfiqiyah* Atau Tidak?

Seorang lelaki telah bertanya kepada al-Jubba'i berkenaan pemakaian nama (عَاقِلٌ) bagi Allah Taala. Al-Jubba'i tidak mengharuskannya karena perkataan (العَقْلُ) diambil dari perkataan (العُقَال) yang bermaksud larangan dan ternyata sifat ini adalah mustahil bagi Allah Taala.

Al-Ash'ari berhujjah lagi dengan menyatakan bahwa Allah Taala juga tidak boleh dinamakan dengan (حَكِيمٌ) karena perkataan tersebut adalah diambil dari perkataan (حَكْمَةُ الْإِصْبَامِ) bermaksud kekangan kuda. Ia adalah besi yang menghalang binatang itu keluar. Oleh itu kalau perkataan (عَاقِلٌ) diambil dari asal perkataan (الْمُنْعِ) maka tuan semestinya menghalang dari terus menggunakan (حَكِيمٌ) sebagai nama Allah Taala.

¹⁰ *Ibid.*, h. 251

¹¹ Ibn Khallikan (t.t), *op.cit.*, j. 3, h. 284.

Al-Jubba'i tidak menjawab pertanyaan itu namun beliau bertanya semula pertanyaan tersebut kepada al-Ash'ari dengan berkata: Jika demikian kenapa kamu menghalang penggunaan nama Allah dengan nama (عَاقِلٌ)? Dan mengharuskan penggunaan nama (حَكِيمٌ)? Menjawab persoalan ini, al-Ash'ari menjelaskan bahawa penentuan nama Allah Taala adalah berdasarkan kepada syarak dan bukannya perbandingan bahasa semata-mata. Penggunaan nama (حَكِيمٌ) kerana syarak menyebutnya dan menghalang penggunaan nama (عَاقِلٌ) kerana syarak menghalangnya, dan jika syarak menyebutnya, maka beliau juga akan mengharuskan penggunaannya.¹²

Faktor Ketiga: Mimpi Berjumpa Dengan Nabi SAW

Di antara faktor dominan yang menyebabkan al-Ash'ari keluar dari fahaman Muktazilah ialah setelah bermimpi jumpa dengan Nabi SAW. Semasa beliau mendalami *manhaj* Muktazilah, ternyata banyak perkara yang tidak memuaskan hatinya sehingga banyak pertanyaan yang diajukan kepada gurunya tidak dijawab. Hal ini menambahkan lagi kekusutan fikiran dan jiwanya.

Hingga pada suatu malam, beliau telah bermunajat kepada Allah Taala memohon petunjuk daripadaNya agar melepaskan segala keraguan dalam dirinya. Selepas itu, beliau terus tidur dan bermimpi berjumpa dengan Nabi SAW. Beliau mengadu kepada Nabi tentang keraguan yang telah bersarang dalam hatinya, lalu Nabi menasihatinya agar berpegang dengan dengan al-Sunnah. Selepas itu al-Ash'ari berhenti terus dari berbincang dan menentang perbincangan ilmu-ilmu kalam dan beliau mulai mengetepikan setiap fahaman yang bercanggah dengan al-Quran.¹³

Faktor Keempat: Khutbah Di atas Mimbar Masjid

Banyak riwayat yang menceritakan di antara faktor yang menyebabkan al-Ash'ari meninggalkan fahaman Muktazilah sebagaimana riwayat *Ibn 'Asakir*, di mana al-Ash'ari telah mengasingkan diri selama lima belas hari di rumahnya dan setelah itu beliau keluar dari uzlahnya menuju ke salah sebuah masjid di Basrah dan terus ke mimbar pada hari Jumaat dan berkhotbah: "Wahai manusia sekalian, aku mengasingkan diri

¹² Al-Subki (t.t), *op.cit.*, j. 2, h 251.

¹³ Ibn 'Asakir (t.t), *Tabyin al-Muftara fi ma Nusiba Ila al-Imam Al-Ash'ari*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 40.

daripada kamu semua karena aku berfikir serta menganalisis dalil-dalil yang sama kuat hujjahnya di antara mazhab. Namun ternyata tidak ada yang sama kuat di sisiku sehingga aku memohon kepada Allah agar Allah Taala memberi aku petunjuk kepada suatu pegangan yang telah aku tuliskannya dalam kitabku ini dan aku membuang semua peganganku sebelum ini sebagaimana aku mencabut baju ini dari tubuh aku”.¹⁴

Menurut riwayat Ibnu Khallikan, al-Ash'ari telah berkhotbah dengan mengatakan bahawa sesiapa yang mengenaliku maka dia telah mengenaliku, dan jika terdapat sesiapa yang belum mengenaliku maka aku akan perkenalkan siapakah diriku ini. Aku adalah fulan bin fulan, sebelum ini aku menyakini bahwa al-Quran adalah makhluk, Allah Taala tidak boleh dilihat dengan mata kasar dan segala perbuatan buruk adalah hasil keinginan manusia. Sesungguhnya aku telah bertaubat dan bersedia untuk membongkar kesilapan akidah Muktazilah.¹⁵

Abdul Maksud telah mengemukakan pandangan menarik punca sebenar al-Ash'ari keluar dari Muktazilah dengan menegaskan bahwa proses membuang pengaruh fahaman Muktazilah telah melalui proses yang panjang dan bukannya dalam waktu yang singkat. Realitinya para ulama terdahulu tidak dapat membezakan di antara pengisytiharan keluar dari Muktazilah dengan pemberitahuan kepada khalayak ramai tentang pegangannya yang baru. Apa yang nyata, beliau telah menzahirkan iktikadnya yang baru semasa menyampaikan khutbahnya di masjid. Pernyataan tersebut bagi mengubat hatinya yang telah lama gelisah dan kebingungan berhubung fahaman Muktazilah. Perdebatannya dengan guru utamanya al-Jubba'i dan guru-gurunya yang lain dari kelompok Muktazilah merupakan satu titik perjalanan yang telah mempertemukannya dengan kebenaran serta membentuk aliran baru yang tersendiri.

Faktor Kelima: Kemosotan Pengaruh Muktazilah

Ada riwayat lain yang menceritakan bahwa al-Ash'ari meninggalkan Muktazilah kerana ada kaitan dengan pengaruh Muktazilah yang mulai merosot. Merosotnya pengaruh ini antara lainnya disebabkan oleh keadaan mehnah yang telah mengorbankan ramai orang, seperti pada zaman al-Makmum menjadi khalifah, doktrin Muktazilah dijadikan mazhab rasmi negara dan saat inilah proses mehnah dijalankan. Namun,

¹⁴ Al-Subki (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 245.

¹⁵ Ibn Khallikan (t.t), *op. cit.*, h. 446.

semenjak al-Mutawakkil menjadi khalifah, pengaruh aliran Muktazilah mula ditinggalkan. Bahkan realiti sebaliknya telah berlaku, di mana ramai dari kalangan tokoh-tokoh yang menjadi lawan Muktazilah selama Muktazilah berkuasa telah dijadikan oleh khalifah sebagai orang yang dihargai dan dilindungi seperti Imam Ahmad bin Hanbal. Dalam suasana seperti inilah al-Ash'ari keluar meninggalkan fahaman Muktazilah. Sebagai gantinya, al-Ash'ari berjaya merumuskan bentuk teologi baru yang kemudian dikenali dengan teologi kalam al-Ash'ari.¹⁶

Pada hakikatnya untuk mengetahui sebab yang kuat berpindahannya beliau dari Muktazilah, perlu diperhatikan persekitaran yang ada pada waktu itu. Baik faktor yang berkaitan dengan perkembangan pemikiran keagamaan, politik dan sistem kesultanan. Menurut al-Kauthariy, al-Ash'ari melihat bahawa para *fuqaha'* dan *muhadditsin* memfokuskan perhatian dalam memahami agama dengan dalil-dalil serta argumentasi yang berpijak pada tafsir, hadis, ijmak dan qiyas. Di samping itu, para ahli kalam memfokuskan perhatian pada membela agama dengan logik akal dan mengabaikan nas. Di antara dua kelompok ini terjadi pertentangan yang sangat keras. Maka al-Ash'ari berfikir dan berusaha mencari jalan keluar dari keadaan ini. Kata al-Kauthariy lagi, maka pada permulaannya al-Ash'ari berusaha mendamaikan di antara kedua pihak yang bertentangan dan mengajak mereka yang sangat ekstrem kembali kepada jalan yang tengah dan sederhana.¹⁷

Selanjutnya al-Ash'ari berpendapat bahawa metod yang dibawa oleh Muktazilah akan membawa kehancuran pada umat Islam kerana menurutnya asas tauhid yang dibina oleh aliran Muktazilah adalah berpaksikan kepada akal. Sedangkan metod ahli hadis dan yang sealaran dengannya akan membawa Islam menjadi jumud dan mundur kerana terikat dengan nas. Di samping itu juga hal ini membuatkan umat Islam menjadi pecah dan bertelingkah. Maka demi kepentingan Islam dan kesatuan umat Islam, alangkah idealnya bila pihak mencari jalan keluar dan bertemu pada satu mazhab yang merupakan penengah yang dapat menyatukan hati, mengembalikan kesatuan umat Islam dengan mencantikkan nas dengan akal sekali gus.¹⁸

Percanggahan faktor keluarnya al-Ash'ari dari faham Muktazilah adalah bersifat teknikal sahaja. Apa yang penting, beliau memang telah membebaskan diri dari fahaman Muktazilah secara total dan membentuk manhajnya yang tersendiri. Peringkat ini adalah peringkat yang terakhir

¹⁶ Al-Khendra (t.t), *Pemikiran Kalam*. Jakarta: Alfabeta, h. 58.

¹⁷ Nukman Abbas, *op. cit.*, h. 109.

¹⁸ *Ibid.*, h. 108.

perjalanannya yang telah kembali kepada akidah Salaf sebagaimana yang dinyatakan dalam karyanya *al-Ibanah*.

KARYA-KARYA AL-ASH'ARI

Jika diamati, karyanya melebihi tiga ratus judul dan ini membuktikan keintelektualannya yang sangat tinggi. Namun, tidak semua karyanya sampai kepada kita. Hanya sejumlah kecil sahaja yang dapat ditatapi dan dikaji oleh generasi sekarang. Penulis hanya menumpukan kepada beberapa judul yang ada kaitan secara langsung dengan pokok perbincangan yang berkaitan dengan ilmu kalam;

a. Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin.

Karya ini merupakan karya yang paling penting menceritakan fahaman setiap golongan umat Islam. Karya ini membuktikan bahawa beliau memahami secara detail tentang iktikad sesuatu golongan. Kitab ini juga menceritakan tentang pelbagai aliran yang melanda umat Islam seperti *Khawarij*, *Syi'ah*, *Murji'ah*, *Muktazilah*, *Jahmiyyah*, *Hashawiyyah*, *Bakriyyah*, golongan hadis dan *al-Kilabiyyah*. Pada akhirnya beliau telah menyatakan bahawa pegangan beliau adalah sebagaimana pegangan ahli hadis.¹⁹

b. Risalatuhu ila Ahl Tharghi

Karya ini ditulis atas permintaan mereka yang berada dalam saf perjuangan mempertahankan negara Islam yang inginkan huraian akidah dalam bentuk yang senang dan mudah diamalkan sesuai dengan keadaan mereka yang berada di medan perjuangan.

c. Istihsan al-Khud fi 'Ilm al-Kalam

Menurut pendapat Abdul Rahman Badawi karya ini bukan dihasilkan oleh al-Ash'ari, akan tetapi ditulis oleh pengikutnya yang terkebelakang sekitar kurun kelima atau keenam Hijrah.²⁰

¹⁹ Al-Ash'ari (1997), *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah, j. 1, h. 279.

²⁰ Abdul Rahman Badawi (1979), *Mazahib al-Islamiyyin* (cetakan kedua). Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin, j. 1, h. 518.

Pandangan beliau telah dipersetujui oleh Dr. Fawqiyyah Fusin Mahmud.

d. Al-Luma' fi al-Radd 'Ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'

Karya ini disepakati oleh ulama tentang penolakannya terhadap muktazilah secara total di samping penjelasan tentang kewujudan Allah Taala, al-Quran, Iradah dan Ru'yatullah. Karya ini merupakan karya yang terakhir oleh beliau.²¹ Karya ini merupakan di antara rujukan penting bagi pengikut beliau dalam menghadapi hujjah golongan Muktazilah.

e. Al-Ibanah 'An Usul Al-Diyanah

Karya ini merupakan karya yang paling utama dari semua karangan beliau yang masih diperdebatkan sehingga sekarang. Sehingga ada yang menolak karya ini adalah hasil karangan beliau karena tulisannya amat berbeda dengan karyanya yang lain. Golongan yang lain pula menerimanya sebagai karya asli beliau, namun bukan tulisannya yang terakhir dan menggambarkan akidahnya karena kitab yang menggambarkan akidahnya ialah al-Luma'. Pendapat yang lain pula menyatakan bahwa karya ini merupakan karya yang terakhir dan merupakan manhaj akidah beliau yang sebenar.²²

Walau apapun pendapat yang dikemukakan oleh ramai ilmuwan Islam berkenaan karyanya, ianya memberi gambaran yang jelas bahawa al-Ash'ari telah berjaya meletakkan batu asas dalam hal-hal yang berkaitan dengan Ilmu Kalam sebagai *manhaj* yang sederhana di antara doktrin Muktazilah yang dilihat terlalu ekstrem dalam penggunaan akal berbanding golongan yang menolak peranan akal dan hanya berpegang kepada nas-nas sahaja. Dengan kata lain, beliau berjaya mengharmonikan di antara golongan literalis dengan golongan rasionalis dan sentiasa meletakkan al-Quran dan Sunnah sebagai sumber utama bahan rujukan dalam semua aspek permasalahan yang timbul.

²¹ Hamudah Gharabah (t.t), "Abu al-Hasan al-Ash'ari" dalam *Muqaddimah Tahqiq Kitab al-Luma'*. Kaherah: Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath, h. 7.

²² Abdul Rahman Badawi (1979), *op. cit.*, h. 518.

PEMIKIRAN KALAM AL-ASH'ARI BERKENAAN ZAT DAN SIFAT ALLAH S.W.T.²³

Sebagai pengasas kepada suatu disiplin teologi versi Ahlul Sunnah, pemikiran beliau menjadi kayu ukur penting dalam menjarakkan doktrin dengan golongan lain terutama Muktazilah. Penentangan hangat di antara kedua pihak dalam masalah ini berkisar kepada persoalan apakah Allah mempunyai sifat atau tidak? Jika Allah mempunyai sifat, apakah ianya perlu kekal seperti Zat Allah? Dan jika ianya kekal maka yang bersifat kekal bukanlah satu tetapi banyak. Maka pernyataan inilah yang menjadi perdebatan di antara al-Ash'ari dengan Muktazilah. Bagi Muktazilah, kekalnya banyak sifat akan membawa sifat kekal itu berbilang-bilang, justeru mustahil Allah mempunyai sifat kekal yang banyak kerana ianya membawa kepada faham polytheisme atau syirik.

Dalam memecahkan kebuntuan ini, maka Muktazilah mengambil inisiatif dengan menafikan Allah mempunyai sifat. Al-Ash'ari memahami definisi yang diberikan oleh Muktazilah bersifat negatif. Akidah ini amat bahaya kerana menafikan Allah tidak mempunyai kuasa, pengetahuan dan sifat-sifat yang lain. Tetapi ianya disanggah oleh kenyataan Abu Huzail bahawa Muktazilah bukan mengingkari sifat-sifat yang selayaknya bagi Allah. Sebagai contoh, erti Allah mengetahui ialah Allah mengetahui dengan perantaraan pengetahuan dan pengetahuan itu adalah diri-Nya sendiri iaitu Zat atau kewujudan-Nya sendiri, bukannya menafikan sebagaimana yang difahami oleh al-Ash'ari. Prinsip ini juga ditegaskan oleh al-Jubba'i yang menyatakan bahawa untuk mengetahui Allah tidak perlu kepada sifat dalam bentuk pengetahuan atau keadaan mengetahui.

Namun jika diteliti jalan yang dirintis oleh al-Ash'ari dalam masalah Sifat Allah, secara dasarnya berada di persimpangan antara manhaj salaf dengan Muktazilah. Manhaj ini juga tidak terlepas daripada berlaku pertelingkahan. Menurut al-Ash'ari, Zat dan Sifat Allah tidak boleh disamakan dengan makhluk dalam apa jua bentuknya iaitu ada-Nya tanpa cara dan takwil. Al-Ash'ari sendiri tidak mengingkari Allah mempunyai sifat, kerana perbuatan perbuatannya di samping Allah

²³ Kaum Muktazilah yang percaya pada kemampuan akal sebagaimana kata 'Abd al-Jabbar bahawa Allah tidak boleh mempunyai badan seperti manusia dan oleh itu, Dia tidak mempunyai sifat-sifat jasmani. Justeru itu, ayat-ayat yang menggambarkan bahawa Allah mempunyai sifat-sifat jasmani sebagaimana manusia perlu diberi tafsiran lain seperti *al-'Arsh* sebagai takhta kerajaan atau kekuasaan, *al-'Ayn* diertikan sebagai pengetahuan, *al-Wajh* sebagai wujud dan *al-Yad* sebagai kekuasaan. Lihat: Harun Nasution (2002), *Teologi Islam*. Jakarta: UI-Press, h. 135-137.

mengetahui, berkuasa dan sebagainya, juga menyatakan bahawa Allah mempunyai pengetahuan, hayat, kemahuan dan lain-lain lagi adalah kekal. Ternyata penjelasan di atas juga menunjukkan faham banyaknya kekal, dan untuk mengatasi masalah tersebut, al-Ash'ari dan Asha'irah mengatakan bahawa sifat itu bukanlah Allah tetapi bukan lain dari Allah. Dalam hal ini beliau telah memetik contoh dari ayat al-Quran:

وَيَتَقَىٰ وَجْهَ رَبِّكَ ...

Maksudnya: "Dan wajah Tuhanmu tetap kekal". (Surah al-Rahman (55): 27).

يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ ...

Maksudnya: "Tangan Allah di atas tangan-tangan mereka". (Surah al-Fath (48): 10).

Sekadar dua contoh petikan ayat ini, menurut beliau, perkataan *wajh* dan *yadun* pada kedua ayat ini tetap tidak boleh disamakan dengan wajah dan muka makhluk-Nya. Ianya wajib diimani tanpa harus ditanya bagaimana (بِلا كَيْفٍ)²⁴ kerana perkataan tersebut tidak boleh ditakwilkan dengan erti yang lain kerana ianya perkara yang berkaitan dengan akidah. Oleh itu wajib beriktikad sebagaimana yang disifatkan oleh Allah Taala ke atas Zat-Nya sendiri tanpa disoal bagaimana.²⁵

Pendapat ini sama seperti yang diimani oleh Imam Malik²⁶ ketika ditanya tentang perkara tersebut, di mana beliau menegaskan bahawa *al-Istiwa'* adalah perkara yang diketahui, tetapi persoalan bagaimana ia berlaku adalah menjadi rahsia Allah, sedangkan beriman dengannya adalah wajib dan bertanya tentangnya adalah bid'ah".²⁷ Bagi beliau, soal akidah tidak boleh ditundukkan oleh akal manusia yang lemah, sebaliknya

²⁴ Menurut Ibn Taymiyyah, maksud *kayfiyyah* ialah seseorang beriktikad bahawa sifat Allah ada caranya begini dan begitu, ataupun dia bertanya tentang cara-caranya. Sedangkan erti bandingan pula ialah seseorang itu beriktikad bahawa sifat Allah sama seperti sifat-sifat makhluk. Lihat: Shaykh al-Islam Ibn Taymiyyah (2003), *Sharah al-'Aqidah al-Wasatiyyah* (terjemahan Abdul Wahhab Awang Kechik). Selangor: Penerbitan Salafi, h. 27.

²⁵ Al-Ash'ari (1994), *op. cit.*, h. 99.

²⁶ Dilahirkan pada tahun 93H dan mati pada 179H, campuran dari keturunan qabilah *Yamaniyyah* sebelah bapanya dan qabilah *al-Azd* sebelah ibunya.

²⁷ Muhammad Abu Zahrah (1989), *Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, h. 421

hendaklah diserahkan pengertiannya kepada Allah yang mempunyai Zat yang Maha Agung.

Bagi al-Ash'ari, (يَدُ اللَّهِ) tidak boleh diertikan dengan rahmat atau kekuasaan Allah, begitu juga dengan Allah hidup dengan *hayah*-Nya tetapi *hayah* ini tidak sama dengan *hayah* yang ada pada makhluk. Oleh itu timbul pertanyaan, jika tidak sama dengan manusia, maka bagaimana sifat tangan (يَدُ), mata (عَيْنُ), muka (وَجْهٌ) dan sebagainya? Maka al-Ash'ari menjawab bahawa hal ini tidak boleh diberi gambaran atau definisi. Aspek ini berkait dengan masalah anthropomorphisme, di mana ayat al-Quran pada zahirnya mempunyai sifat-sifat jasmani sebagaimana manusia. Pendirian sama juga diimani oleh kaum Muktazilah apabila dirujuk kepada kata-kata 'Abd al-Jabbar.

Oleh yang demikian, jika al-Quran menyatakan bahawa Allah mempunyai tangan, manusia mesti menerimanya dan kalau manusia tidak dapat mengetahuinya, hal ini disebabkan bahawa Allah Maha Berkuasa yang dapat menciptakan sesuatu yang tidak dapat diselami oleh akal manusia yang sangat terbatas ini. Kesimpulannya, pandangan ini jelas sama seperti yang diyakini oleh para ulama besar Salaf seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Sufyan al-Thawri, Ibn Kathir, al-Tabari, al-Isfahani dan lain-lain lagi.

Manakala tentang sifat-sifat Allah pula, Allah memiliki sifat-sifat yang layak bagi-Nya. Sifat ini ternyata berbeza dengan Zat-Nya tetapi tidak pula terpisah daripada sifat-Nya (لَا هِيَ هُوَ وَلَا هِيَ غَيْرُهُ). Pandangan beliau ini bertentangan dengan aliran Muktazilah yang menafikan sifat-sifat Allah. Bagi Muktazilah, jika sifat-sifat Allah kekal sebagaimana Zat-Nya, maka ianya membawa kepada fahaman (تَعَدُّدُ الْقَدَامَى): banyak yang kekal atau *multiplicity of eternals*; dan ini mustahil berlaku kepada Allah. Bagi Muktazilah, akidah ini membawa kepada akidah syirik terhadap Allah yang tidak boleh dikompromi dalam masalah ilmu Kalam atau teologi Islam.

Berbeza dengan Muktazilah,²⁸ al-Ash'ari tetap menyatakan bahawa Allah mempunyai sifat-sifat yang selayak bagi-Nya tetapi sifat-

²⁸ Akidah ini terkandung dalam Usul Pertama (*al-Tawhid*) dalam doktrin akidah Muktazilah. Pada asalnya doktrin ini dibina bagi mempertahankan prinsip keesaan Allah dari serangan golongan *Syi'ah Rafidah* yang menggambarkan Allah berjسيم. Aliran Muktazilah berpusat di dua tempat iaitu di Basrah dan Baghdad dan telah

sifat Allah adalah tidak sama dengan sifat-sifat makhluk ciptaan-Nya. Hal ini telah dijelaskan oleh al-Shahrastani tentang akidah al-Ash'ari yang bermaksud.²⁹

"Allah adalah Maha mengetahui dengan sifat ilmu, Kuasa dengan sifat kuasa, Hidup dengan sifat hidup, Berkehendak dengan sifat kehendak, Kalam dengan sifat kalam, Mendengar dengan sifat pendengaran, Melihat dengan sifat penglihatan, namun kekal sifat-sifat ini berbeza dengan sifat-sifat makhluk-Nya. Kata al-Ash'ari lagi: Segala sifat ini bersifat Azaliyyah dan berdiri pada zat-Nya yang Maha Tinggi tetapi tidak boleh dikatakan sifat adalah Zat atau bukan selain daripada Zat. Sifat adalah bukan Zat dan bukan pula lain dari Zat".

Jika diamati melalui kenyataan yang pelbagai, ternyata Sifat Allah bagi al-Ash'ari adalah tetap dan kekal manakala keadaan mengandungi erti berubah-ubah mengikut keadaan. Sifat adalah kuat dan keadaan menunjukkan lemah. Jika mengatakan Allah tidak mempunyai sifat tetapi hanya mempunyai keadaan, adalah amat tidak sesuai dengan konsep Kekuasaan dan Kehendak Allah. Untuk mempertahankan Kehendak dan Kekuasaan Allah, maka Allah wajib memiliki sifat-sifat yang kekal.

Dalam mentanzihkan (mensucikan) Allah, Muktazilah juga berpandangan sebaliknya. Menurut mereka, Allah tidak mempunyai Kekuasaan dan Kehendak yang benar-benar mutlak, tetapi Kekuasaan dan Kehendak mutlak yang mempunyai batas-batas tertentu dapat menerima bahawa Allah tidak mempunyai sifat. Maka kedua pihak ini sedaya upaya mempertahankan kesucian Allah, cuma tafsirannya sahaja yang berbeza.³⁰

berpecah kepada dua puluh aliran. Namun kesemuanya berpegang kepada lima prinsip yang diasaskan oleh Abu Huzayl al-Allaf (135-235 H). Golongan ini telah tenggelam dalam lipatan sejarah, namun corak pemikirannya banyak mempengaruhi pemikiran manusia pada hari ini.

²⁹ Al-Shahrastani (t.t.), *al-Milal wa al-Nihal*, h. 95.

³⁰ Harun Nasution (2002), *Teologi Islam Aliran-Aliran Sejarah Analisa Perbandingan*. Jakarta: UI-Press, h. 138.

PENUTUP

Sesungguhnya penilaian dan pertimbangan ilmiah amat diperlukan dalam memposisikan sesuatu fahaman yang dianggap bercanggah dengan realiti. Kedua pihak ini sama-sama menggunakan akal dalam mempertahankan kesucian Allah yang hanya dibatasi oleh cara dan kaedah mempertahankan keesaan Allah sahaja. Sebarang perbincangan yang berkaitan dengan tokoh ini dan lawannya adalah perlu merujuk kepada karya-karya asal masing-masing agar pertikaian teologis yang bersifat akademik tidak menular kepada melemparkan tuduhan sesat terhadap sesuatu kaum yang tidak sependapat dengan golongan tertentu.

Perdebatan metodologi Asha'irah dan juga lawannya Muktazilah dalam menjauhkan *anthrophomopisme* perlu diperhalusi dengan jelas supaya segala kerumitan dapat diharmonikan dengan sebaik mungkin tanpa melibatkan soal dasar akidah walaupun Muktazilah dilihat lebih bersifat filosofis dalam disiplin ilmu Kalam. Perlu diketahui bahawa metod filosofis perlu digunakan oleh Muktazilah sesuai dengan kecamukan dan kekacauan pemikiran yang dihadapi oleh tokoh-tokoh mereka terutama mendepani kekeliruan yang dicetuskan oleh golongan Syiah dalam hal-hal yang berkaitan dengan akidah. Oleh itu, momokan negatif yang dilonggokkan kepada Muktazilah tanpa menyelami latar belakang yang mendepani suasana semasa adalah sangat tidak adil walaupun ada sesetengah isu menampakkan mereka terlalu bebas menggunakan hujah akal dan falsafah. Sekalipun al-Ash'ari sendiri telah berusaha untuk menjarakkan diri daripada metod falsafah, namun dalam banyak isu, beliau terpaksa juga untuk berhujjah dengan menggunakan pendekatan falsafah.